

PEMAPARAN STATUS HADIS DALAM APLIKASI DIGITAL HADIS: ISU DAN MASALAH

A Irwan Santeri Doll Kawaidⁱ, Ahmad Izzuddin Abu Bakarⁱⁱ, Shumsudin Yabiⁱⁱⁱ, Mohd Fadzli Marhusin^{iv}

ⁱPensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
a.irwan@usim.edu.my

ⁱⁱPensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
izzuddin@usim.edu.my

ⁱⁱⁱPensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
shumsudin@usim.edu.my

^{iv}Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
fadzli@usim.edu.my

Abstrak

Perkembangan teknologi maklumat menjadikan ramai orang yang memilih untuk mencari atau berkongsi maklumat tentang pelbagai perkara di platform digital. Hadis Nabi SAW, sepertimana maklumat lain, turut menjadi item perkongsian dan carian yang banyak dilakukan di platform tersebut. Ianya dilakukan sama ada untuk diketahui atau diamalkan. Di zaman ini juga, ramai yang mulai sedar tentang kepentingan beramal dengan hadis sahih dan keperluan menolak hadis palsu dan hadis dhaif jenis berat lantaran banyak kempen kesedaran yang dilakukan oleh pelbagai pihak. Disebabkan perkembangan tersebut, banyak pihak, terutamanya pengelola laman sesawang atau pembina aplikasi telefon mudah alih cuba memudahkan pengguna untuk mendapatkan status hadis dengan memaparkannya di platform mereka. Pemaparan aplikasi-aplikasi tersebut dilihat mempunyai kepelbagaian dalam gaya dan pendekatan. Meskipun status hadis adalah salah satu komponen kecil dalam maklumat hadis yang mereka sajikan, namun jika diteliti, terdapat pelbagai isu dan masalah di sebalik penyediaannya yang memerlukan kepada perancangan yang sistematik sebelum ianya dapat dipaparkan dengan tepat dan sesuai. Kertas kerja ini mengkaji isu dan masalah yang berkaitan pemaparan status hadis di aplikasi digital hadis. Ia membincangkan aspek perancangan serta pendekatan yang bersesuaian untuk digunakan bagi pemaparan status hadis di aplikasi digital hadis. Hal ini agar pemaparan tersebut dapat dimanfaatkan oleh pengguna dan tidak menyebabkan disiplin ilmu hadis disalah tanggap.

Kata kunci: *status hadis, pemaparan, aplikasi, digital, isu, masalah.*

PENDAHULUAN

Status hadis, yang juga disebut sebagai derajat, hukum, nilai, martabat dan kualiti hadis adalah tahap kesahihan hadis. Ia merupakan indikator yang menunjukkan tahap penisbahan hadis kepada Nabi SAW dan sama ada ia boleh dijadikan hujah, diamalkan atau tidak.

Isu status hadis menjadi fokus utama apabila memperkatakan tentang hadis Nabi SAW kerana hadis-hadis Nabi SAW yang menjadi sumber utama kedua Islam

memerlukan kepada penjelasan status kesahihannya sebelum dapat dijadikan hujah atau diamalkan. Tidak seperti Quran yang dapat diketahui status kesahihannya, kerana kesemuanya sahih sepertimana yang disepakati ulama lantaran dicatatkan sejak dari awal dan disampaikan dari generasi ke generasi secara mutawatir,¹ kesahihan hadis pula sukar untuk diketahui lantaran tidak semuanya diriwayatkan secara mutawatir serta berlaku zaman pemalsuan hadis sebelum ia berjaya dibukukan. Selain itu, kelemahan penjagaan teks yang dilakukan oleh beberapa orang perawi juga menjadi faktor beberapa hadis telah diriwayatkan secara salah.

Namun perkara tersebut telah segera diatasi oleh para ulama iaitu dengan melakukan pelbagai usaha seperti mewujudkan kaedah penetapan status hadis, mengkaji kredibiliti perawi yang menyampaikan hadis dan membukukannya. Hal ini bagi membantu umat Islam agar dapat beramal dengan hadis Nabi SAW dalam kehidupan.

Meskipun begitu, hasil usaha mereka tidak mudah untuk difahami oleh orang ramai lantaran perlu menguasai pelbagai ilmu bagi memahaminya. Perkara yang menambahkan kesukaran dalam hal ini adalah sumber yang membincangkan tentang perkara tersebut adalah dalam bahasa Arab dan perbahasannya juga ada kalanya terlalu panjang. Selain itu, status-status tersebut juga tidak terkumpul dalam satu kitab. Tetapi terdapat dalam pelbagai kitab dan terkadang sukar untuk mengesannya. Lantaran itu bagi orang awam yang bukan berbangsa Arab, tidak mudah bagi mereka mengenalpasti kesahihan hadis meskipun mereka perlu mengetahuinya sebelum mereka menyampaikan atau beramal dengannya.

Di zaman ICT ini, di mana hampir semua maklumat berada di hujung jari, banyak pihak yang berkongsi atau mencari hadis Nabi SAW di platform digital, sama ada di laman web atau aplikasi telefon mudah alih untuk mereka ketahui atau amalkan. Di zaman ini juga, ramai yang mulai sedar tentang kepentingan beramal dengan hadis sahih dan keperluan menolak hadis palsu dan dhaif jenis berat lantaran banyak kempen kesedaran yang dilakukan oleh pelbagai pihak. Justeru, banyak pihak yang cuba memudahkan mereka untuk mengenalpasti status hadis dengan memaparkannya dalam platform-platform mereka.

Kertas kerja ini akan cuba meneliti isu dan masalah berkaitan pemaparan status hadis yang dilakukan oleh aplikasi-aplikasi digital hadis, melihat isu yang timbul berkaitan dengannya serta membincangkan penyelesaiannya.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metodologi kajian kes di mana data kes diambil daripada aplikasi-aplikasi digital yang memaparkan status hadis seperti semakhadis.com, dorar.net, hdith.com, islamqa.info, sunnah.com dan HaditsSoft. Gaya pemaparan status hadis di aplikasi-aplikasi tersebut direkodkan, dianalisa dan dihuraikan secara kualitatif bagi melihat aspek permasalahan dan penyelesaiannya secara spesifik.

JENIS PEMAPARAN STATUS HADIS DALAM APLIKASI-APLIKASI DIGITAL HADIS

Khadher Ahmad ada mencadangkan sepuluh kriteria penting perlu ada dalam pembangunan laman sesawang hadis iaitu:

1. Kandungan teks hadis yang berbaris lengkap
2. Terjemahan hadis yang telah disemak
3. Maklumat sumber dan takhrij hadis
4. Kefahaman hadis secara ringkas
5. Organisasi atau panel yang bertanggungjawab dan mempunyai kelayakan
6. Antaramuka yang mesra pengguna
7. Lampiran bentuk shajarah al-asānid (pemetaan sanad hadith)
8. Meletakkan tema kumpulan hadis
9. Pembahagian hadis berdasarkan judul kitab (bagi karya jawi)
10. Penyediaan hadis-hadis alternatif bagi hadis yang palsu¹⁰⁷

Berkaitan dengan maklumat sumber dan takhrij hadis, bagi beliau, dalam menyatakan sumber hadis, maklumat utama berikut perlu ada, iaitu:

1. Sumber hadis
2. Maklumat Kitab (topik utama bagi hadis)
3. Maklumat Bab iaitu merujuk kepada nama sub topik
4. Meletakkan nombor hadis yang lengkap
5. Menyatakan status hadis

Secara asasnya terdapat empat jenis status hadis yang ditetapkan oleh para ulama, iaitu:

1. Sahih
2. Hasan
3. Dhaif
4. Palsu

Tahap-tahap kesahihan ini ditentukan berdasarkan kriteria kesahihan hadis yang ditetapkan oleh para ulama. Kriteria-kriteria tersebut adalah: Diriwayatkan dengan sanad yang bersambung dari awal hingga akhir, diriwayatkan oleh perawi yang bersifat dengan 'Adalah¹⁰⁸ dari awal hingga akhir, diriwayatkan oleh perawi yang

¹⁰⁷ Ahmad, K. (2019). Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Wbsite Dan Software Hadis. In *Conference Proceeding International Conference on Islam in Malay World (ICONIMAD)*.

¹⁰⁸ Al-'Adalah (العدالة) adalah satu sifat yang bererti budi pekerti yang baik dan bertakwa. Ibn Hajar, Ahmad bin 'Ali al-Asqalani. 1997. *Nuzhah al-Nazar fi Taudih Nukhbah al-Fikar*. 'Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah, hlm. 69.

bersifat dengan *Dhabt*¹⁰⁹ dari awal hingga akhir, tidak terdapat *Syuzuz*¹¹⁰ sama ada pada matan atau sanadnya dan tidak terdapat '*Illah*¹¹¹ sama ada pada matan atau sanadnya.¹¹² Jika sesuatu hadis itu memenuhi kesemua syarat-syarat tadi, ia dinilai sebagai '*sahih*'. Namun, jika tahap *dhabt* salah seorang perawi atau lebih yang terdapat dalam sanadnya di tahap sederhana sahaja, di samping memenuhi syarat-syarat lain, hadis tersebut dihukum sebagai '*hasan*'. Tetapi jika hadis tersebut tidak memenuhi salah satu atau lebih syarat-syarat tersebut, hadis tersebut dihukum sebagai '*dhaif*'.¹¹³ Hadis palsu pula adalah hadis yang tidak benar penisbahannya kepada Nabi SAW.¹¹⁴ Kriteria sebegini ditetapkan dan dianggap sebagai garis panduan dalam menilai dan menentukan status hadis.

Pernyataan status hadis sememangnya perlu di zaman ini sama ada di platform bercetak atau digital. Hal ini kerana, pengguna yang merujuk kepada platform tersebut, selain daripada ingin mengetahui tentang teks hadis, sumber dan terjemahannya, mereka juga ingin mengetahui status kesahihannya kerana kepantasan penyebaran maklumat di platform digital yang terkadang tidak sah serta timbul kesedaran ramai tentang kepentingan beramal dengan hadis sahih dan keperluan menolak hadis palsu. Meskipun dengan menyatakan sumbernya tanpa menyatakan statusnya sudah memadai berdasarkan panduan ilmu takhrij, disebabkan pengguna boleh menyemak sendiri sesuatu hadis itu serta statusnya jika mereka memerlukan. Namun, disebabkan kebanyakan pengguna aplikasi digital tidak mempunyai latar belakang pengajian Islam dan ilmu hadis, maka pemaparannya secara langsung adalah satu keperluan.

Berdasarkan pemerhatian penulis, terdapat aplikasi digital yang menyediakan paparan status hadis dan ada yang tidak. Bagi aplikasi digital yang memaparkannya, terdapat perbezaan dari sudut gaya dan pendekatan dalam memaparkannya. Tambahan pula, tiada garis panduan pada bentuk pemaparannya.

¹⁰⁹ *Dhabt* dari sudut bahasa adalah ikatan. Dari sudut istilah pula adalah kemampuan seorang perawi dalam menyampaikan sesuatu hadis yang diterimanya dengan sempurna walaupun hanya dari sudut maknanya sahaja. Ibid.

¹¹⁰ *Syuzuz* ialah suatu percanggahan periwayatan di antara seorang perawi yang *thiqah* dengan periwayatan perawi-perawi *thiqah* yang lain. Abu Syahbah. 1403H. *al-Wasit fi 'Ulum wa Mustalah al-Hadith*. Dar al-Fikr al-'Arabiyy. hlm. 228.

¹¹¹ '*Illah* pula ialah suatu kesilapan halus yang terdapat dalam sesuatu *Hadis* yang menyebabkannya dianggap bermasalah. Ibid. hlm. 228.

¹¹² Ibn Salah, 'Utman bin 'Abd al-Rahman. 2001. *al-Muqaddimah*. Beirut: al-Maktabah al-'Ashriyyah, hlm. 13.

¹¹³ Ibn Hajar, Ahmad bin cAli al-cAsqalani. (1997). *Nuzhah al-Nazar fi Taudih Nukhbah al-Fikar*. Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.

¹¹⁴ Usman, A. H., & Nasir, M. N. (2022). Penyebaran Hadis Palsu Dalam Penerbitan Di Malaysia Dan Kesannya Kepada Masyarakat. *HADIS*, 12(23), 34-50.

APLIKASI DIGITAL HADIS YANG MEMAPARKAN STATUS HADIS

Antara aplikasi yang memaparkan status hadis adalah seperti berikut:

- semakhadis.com (Bahasa Melayu)
- dorar.net (Bahasa Arab)
- hdith.com (Bahasa Arab)
- islamqa.info (Bahasa Arab dan Inggeris)
- sunnah.com (Bahasa Arab dan Inggeris)
- HaditsSoft (Bahasa Indonesia)

semakhadis.com (Bahasa Melayu)

Laman sesawang ini dibina oleh Muhammad al-Fatih sejak tahun 2015. Ia mengkhususkan memaparkan hadis-hadis yang kebiasaannya menjadi pegangan masyarakat Malaysia sedangkan ia da'if atau palsu.¹¹⁵ Justeru, fokusnya bukan memaparkan semua hadis serta statusnya. Hanya hadis terpilih sahaja yang menjadi tumpuan utamanya.

dorar.net/al-Durar al-Saniyyah (Bahasa Arab)

Laman sesawang ini secara dasarnya mengandungi pelbagai segmen berkaitan dakwah dan ilmu-ilmu Islam.¹¹⁶ Antara bahagian yang paling menonjol dalam laman sesawang ini adalah ensiklopedia ilmu-ilmu Islam. Namun ensiklopedia-ensiklopedia tersebut hanya tersedia dalam bahasa Arab. Di antara ensiklopedia yang terdapat dalamnya adalah *al-Mausu'ah al-Hadithiyyah* atau Ensiklopedia Hadis. Di ensiklopedia ini, para pengunjung laman sesawang boleh melakukan carian terhadap teks hadis, sumber serta statusnya. Namun, ensiklopedia ini bukan berorientasikan memaparkan sanad hadis yang lengkap atau kitab hadis yang penuh. Ensiklopedia ini menghimpunkan banyak sumber hadis beserta dengan komentar ulama terhadap statusnya. Nama-nama para ulama dan komentar mereka dipaparkan secara penuh dalam laman sesawang ini.

Pendekatan laman sesawang ini diminati oleh ramai pengguna awam menyebabkan ensiklopedia ini mendapat sambutan. Bahagiaman hadis ini kemudiannya dikembangkan ke dalam bentuk aplikasi telefon mudah alih serta laman sesawang lain yang tidak di bernaung di bawah dorar.net iaitu di laman sesawang hdith.com.

Berkaitan laman sesawang hdith.com, laman sesawang ini tidak mengandungi kandungan lain seperti yang terdapat laman sesawang dorar.net. Ia hanya mengandungi bahagian ensiklopedia hadis yang menggunakan pangkalan data dorar.net.

¹¹⁵ Ahmad, K., Suliaman, I., Ahmad Shah, F., & Mohd Rokhibi, I. A. (2019). Kriteria Utama dalam Pembangunan Laman Web Berkaitan Hadith: Satu Analisis dan Cadangan. *Journal of Ma'ālim Al-Quran Wa Al-Sunnah*.

¹¹⁶ Hasan, S. N. S. (2015). Laman web al-Durar al-Saniyyah: Aplikasi dan Keberkesanan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kajian Hadis dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunah, USIM. *Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 10(11).

sunnah.com (Bahasa Arab dan Inggeris)

Laman sesawang ini adalah dalam bahasa Inggeris. Ia memaparkan teks hadis daripada kitab-kitab utama hadis beserta sanadnya dengan lengkap. Di samping itu, ia turut memaparkan maklumat kedudukan hadis dalam kitab, terjemahannya dalam bahasa Inggeris serta status kesahihan hadis. Namun, tiada pengenalan tentang pihak yang membangunkan atau mengelolakan laman sesawang ini. Setiap hadis dalam laman sesawang ini dinyatakan statusnya, tetapi tidak dinyatakan dengan jelas siapa yang menentukan status-status tersebut. Sumber status yang dinyatakan hanyalah Darussalam.

Hadits Soft

Aplikasi ini merupakan sebuah perisian hadis yang berasal dari Indonesia. Ia mempunyai ciri-ciri dan isi kandungan yang sama dengan perisian hadis Ensiklopedi hadis Kitab 9 Imam yang dibangunkan oleh Lidwa Pusaka, (**Lembaga Ilmu dan Dakwah Publikasi Sarana Keagamaan**).¹¹⁷ Di dalamnya terdapat lebih 62,000 buah hadis daripada 9 buah kitab hadis utama, iaitu: Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan al-Tirmizi, Sunan al-Nasa'i, Sunan Ibnu Majah, Musnad Ahmad, Muwata' Malik, dan Sunan al-Darimi. Aplikasi ini mempunyai pelbagai fungsi seperti memaparkan teks asal hadis, terjemahannya, diagram sanad bagi setiap hadis dan sebagainya. Selain kelebihan-kelebihan tadi, perisian ini turut memaparkan status hadis secara ringkas pada setiap hadis. Terdapat dua komentar status hadis yang diletakkan di bawah setiap hadis. Status tersebut dipilih daripada pandang ulama kontemporari.

ISU-ISU DAN MASALAH-MASALAH DALAM MEMAPARKAN STATUS HADIS DI APLIKASI DIGITAL HADIS

Pada dasarnya, untuk penyebaran hadis di aplikasi digital hadis, teks hadis, sumber, terjemahan serta status kesahihan hadis perlu bersifat benar dan betul. Hal ini kerana para pengguna akan menggunakan, menyebarkan atau beramal dengannya. Bagi tujuan disebarkan dan diamalkan, status hadis penting agar tidak tersalah supaya hadis-hadis palsu dan daif jenis berat tidak disebarkan atau diamalkan. Komentar tersebut boleh saja sama ada secara terperinci atau ringkas. Namun, cara ringkas lebih baik bagi meraikan gaya penggunaan pengguna aplikasi digital yang rata-ratanya sukakan jenis ringkas dan padat.

Dalam memaparkan status hadis di aplikasi digital hadis, terdapat beberapa isu yang berkaitan dengannya yang perlu diberi perhatian oleh pengelola atau pembangunnya. Antara isu-isu tersebut, bagaimanakah bentuk pemaparan yang betul, status yang manakah yang perlu dipaparkan, apakah kesan pemaparan

¹¹⁷ Batubara, H. H. (2017). Pemanfaatan Ensiklopedi Hadis Kitab 9 Imam sebagai Media dan Sumber Belajar Hadis. *Muallimuna: Jurnal Madrasah Ibtidaiyah*, 2(2), 63-74.

tersebut kepada pengguna serta masalah berkaitan keautoritian. Bagi membincangkan masalah ini, kertas kerja ini cuba menyenaraikan beberapa isu penting berkaitan pemaparan status hadis di aplikasi digital.

Komentar Yang Jelas, Langsung, Tidak Jelas dan Tidak Langsung

Komentar terhadap status hadis ada yang bersifat jelas dan langsung dan ada yang bersifat tidak jelas dan tidak langsung. Maksud komentar langsung di sini adalah komentar yang dilakukan terhadap hadis secara umum dan bukannya terhadap perawi atau matannya sahaja. Komentar yang jelas adalah komentar yang tidak memerlukan pentafsiran terhadap maksudnya. Termasuk dalam jenis ini, ungkapan yang sinonim tentang status hadis. Komentar yang tidak langsung pula adalah komentar yang tidak dibuat terhadap hadis, tetapi ia dibuat terhadap perawi dalam sanad hadis atau matannya sahaja. Komentar jenis ini biasanya dilakukan oleh ulama hadis silam terhadap hadis. Contohnya ketika mereka ditanya tentang status sesebuah hadis, mereka menjawab dengan ungkapan "*Di dalam sanadnya terdapat fulan bin fulan. Dia adalah seorang pendusta.*" Bagi ulama hadis, komentar seperti ini menggambarkan status hadis. Tetapi bagi orang yang bukan dalam bidang hadis, maksud komentar seperti ini mungkin belum dapat difahami. Adapun komentar jenis tidak jelas adalah komentar yang diungkapkan dengan kata-kata yang tidak menunjukkan salah satu status hadis yang empat tadi atau sinonimnya. Contohnya "*Syaz, Mudhtarib, Ghair Ma'ruf dsb*". Komentar seperti ini memerlukan kepada penafsiran agar dapat difahami. Bagi pemaparan di aplikasi digital hadis, komentar yang langsung dan jelas perlu diberi keutamaan untuk dipaparkan. Namun jika terdapat penjelasan bagi komentar yang tidak langsung dan tidak jelas, maka komentar tersebut boleh dipaparkan.

Terdapat Terlalu Banyak Komentar Daripada Para Ulama Tentang Status Hadis

Komentar ulama terhadap status hadis terkadang terdapat terlalu banyak dan terkadang tidak terdapat langsung. Bagi menggambarkan status hadis sebenar, sepatutnya setiap komentar ulama terhadap status hadis dipaparkan. Namun, hal ini akan menyebabkan senarai tersebut menjadi panjang. Malah ada di antara status tersebut berulang, tidak jelas, tidak langsung dan boleh mengelirukan pengguna. Untuk mengelakkan daripada masalah ini, dicadangkan agar hanya komentar yang jelas daripada ulama-ulama hadis yang ulung (akan dijelaskan selepas ini) dan popular sahaja yang dipaparkan. Komentar ulama selain mereka, iaitu yang daripada ulama yang tidak popular atau tidak dikenali tidak perlu dipaparkan. Apatah lagi jika komentarnya mempunyai persamaan. Namun, jika senarai itu pendek, semua komentar boleh dipaparkan. Selain itu, komentar tersebut sebaiknya tidak bercanggah. Jika terdapat percanggahan, satu ulasan perlu disediakan agar tidak menimbulkan kekeliruan. Komentar tersebut boleh sama ada yang tersirat atau tersurat.

Komentar Status Hadis Daripada Ulama Hadis Yang Tidak Ulung Atau Tidak Popular

Ulama hadis ada yang dianggap ulung atau juga dipanggil *mutaqaddimin*, ada yang dianggap ulama *mutaakhhirin*, ada yang dianggap ulama kontemporari dan ada yang dianggap pengkaji hadis sahaja. Ulama *mutaqaddimin* adalah ulama silam yang hidup di antara di zaman *riwayah* iaitu di kurun ke-2 – hingga ke-3 Hijrah. Mereka adalah ulama yang banyak menghafal hadis serta pakar dalam pelbagai aspek bidang hadis; matan, sanad, perawi, 'illah dan sebagainya. Ulama *mutaakhhirin* pula adalah ulama hadis di kurun kelima Hijrah hingga ke kurun ke 12 Hijrah yang menyambung legasi bidang hadis.¹¹⁸ Kepakaran mereka masih tinggi, tetapi kurang sedikit daripada kepakaran ulama *mutaqaddimin*. Ulama kontemporari adalah ulama zaman sekarang yang banyak melakukan kajian terhadap hadis tetapi kepakaran mereka tidak setanding dengan kepakaran ulama *mutaqaddimin* dan *mutaakhhirin*. Mereka seperti Ahmad Syakir, al-Albani dan Syu'aib al-Arnaut. Pengkaji hadis pula orang yang ada melakukan kajian terhadap hadis. Akan tetapi mereka tidak sepopuler atau terkenal seperti ulama hadis lain kerana kajian mereka agak terbatas.

Jika terdapat komentar status hadis daripada ulama hadis tidak ulung, jika pandangannya relevan terhadap status hadis, pandangannya boleh dipaparkan. Jika dia kurang popular atau dikenali, satu pengenalan tentang kredibilitinya perlu disediakan. Jika pandangannya tidak relevan atau bercanggah dengan pandangan ulama ulung, pandangan mereka boleh tidak dipaparkan.

Terdapat Percanggahan Pada Status Hadis

Terkadang terdapat percanggahan yang ketara dalam status sesuatu hadis yang ditentukan oleh para ulama. Faktor percanggahan itu berlaku adalah perbezaan pandangan pada punca kesahihan atau kedhaifan hadis. Hal ini kerana menentukan status hadis dianggap sebagai *ijtihad*.¹¹⁹ Hasil sesuatu *ijtihad* boleh sama ada benar atau salah. Perkara ini adalah sesuatu yang tidak asing dalam ilmu hadis. Bagi berlaku adil, komentar-komentar tersebut sepatutnya dipaparkan kesemuanya. Namun, ia akan menyebabkan berlaku kekeliruan pada pengguna awam. Status seperti ini, jika ada, sepatutnya dielakkan dan dicadangkan agar pandangan yang tepat sahaja yang sepatutnya dipaparkan jika percanggahan tersebut ketara. Apatah lagi jika ada di antara status tersebut sebenarnya tidak tepat. Satu garis panduan baharu dalam perkara ini juga perlu diwujudkan bagi menjustifikasikan pemilihan dan pemaparan tersebut.

¹¹⁸ Mu'tamid 'Ali Ahmad Sulaiman. (2003). Taqwiyah al-Hadith bi al-Syawahid wa al-Mutaba'at 'inda al-Suyuti. Prosiding Mukhtar al-Tajdid fi Fikr Jala al-Din Al-Suyuti. Hlm. 144.

¹¹⁹ Abd al-Ghani bin Ahmad Jabar Mazhar, Dr. (1993), Usul Tashih wa Tad'if, Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah, Bil. 41, Zulkaedah-Safar 1414H-1415H, Arab Saudi: al-Ri'asah al-'Ammah li al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta', h. 336.

Tidak Terdapat Status Hadis Oleh Mana-Mana Ulama

Terdapat hadis-hadis yang statusnya tidak ditemui penentuan statusnya oleh mana-mana ulama. Hal ini biasanya berlaku pada hadis-hadis yang terdapat dalam kitab hadis yang tidak popular. Dalam masalah ini, untuk tidak menimbulkan masalah di kemudian hari, statusnya boleh tidak perlu dinyatakan. Namun, hadis jenis ini adalah sedikit.

Jenis Status Hadis

Jenis status hadis sepertimana yang disebutkan sebelum ini adalah 1. Sahih 2. Hasan 3. Dhaif 4. Palsu. Pembahagian seperti ini adalah pembahagian yang asas dalam ilmu hadis. Jenis status-status ini berkaitan tahap penisbahan hadis kepada Nabi SAW dan tahap kesahihan hadis bagi dijadikan hujah atau diamalkan. Bukan menggambarkan tentang jenis strukturnya. Dari sudut pemakaian sebagai hujah dan diamalkan, hadis sahih dan hasan menurut kesepakatan ulama boleh dijadikan hujah dan diamalkan.¹²⁰ Hadis Palsu pula menurut kesepakatan mereka tidak boleh dijadikan hujah atau diamalkan.¹²¹ Tiada masalah untuk memaparkannya status-status ini di pangkalan data hadis. Adapun hadis dhaif, berkaitan pemaparannya, perlu dilihat sudut boleh dijadikan hujah dan diamalkan atau tidak. Hal ini kerana ulama hadis membahagikan hadis dhaif dari sudut boleh diamalkan atau tidak kepada dua, iaitu hadis dhaif yang boleh diamalkan dengan syarat tertentu dan hadis dhaif yang tidak boleh diamalkan. Hadis dhaif yang boleh diamalkan disebutkan dengan hadis dhaif jenis ringan.¹²² Faktor kedhaifannya biasanya disebabkan masalah terputus sanad, *al-Mastur*, *al-Ikhtilat* atau perawi mempunyai sifat lupa yang ringan¹²³. Kedhaifan jenis berat pula adalah kedhaifan disebabkan perawinya dituduh matruk, munkar dan mempunyai sifat lupa yang teruk.¹²⁴

Termasuk dalam perkara tersebut berlaku percanggahan yang jelas dari sudut matan dengan hadis lain melalui perawi yang berkredibiliti. Disebabkan wujud pembahagian ini, maka hadis dhaif sepatutnya tidak hanya dinyatakan dengan satu status sahaja. Perlu terdapat perbezaan dalam menyatakan jenis kedhaifannya sama ada jenis ringan atau berat. Pemaparan tersebut boleh dinyatakan dengan istilah 'dhaif' untuk hadis dhaif jenis ringan dan 'sangat dhaif' untuk hadis dhaif jenis berat. Hal ini akan memudahkan pengguna mengetahui status hadis yang boleh diamalkan atau tidak. Selain status hadis, jenis hadis seperti *Mutawatir*, *Qudsi*, *Marwuf* juga boleh difikirkan untuk dipaparkan jika terdapat keperluan untuk diadakan.

¹²⁰ Abu Syahbah. *al-Wasit fi 'Ulum wa Mustalah al-Hadith*. Op. cit. 602.

¹²¹ Abdul-Hayyi bin Abdul-Halim, Al-Lakhnawi. t.t. *Al-Athar al-Marfu'ah Fil Ahadith al-Maudhu'ah*. Baghdad: Dar al-Syarq al-Jadid. Hlm. 74.

¹²² Ibn Hajar, op cit, hlm. 129.

¹²³ Ibid.

¹²⁴ Al-Hitiyy. Mahir Yasin Fahl. 2000. *Athar 'Ilal al-Hadith fi Ikhtilaf al-Fuqaha'*. Amman: Dar Ammar.

PERBINCANGAN

Untuk konteks pengguna Malaysia, kertas kerja ini akan membincangkan tentang pemaparan status hadis yang disediakan di aplikasi digital hadis dalam Bahasa Melayu, Indonesia dan Inggeris. Bagi aplikasi digital hadis dalam Bahasa Arab, pemaparan status hadis padanya dilihat memuaskan dan memadai mengikut kesesuaian keadaan dan latar belakang pengetahuan agama pengguna Arab. Namun ia kurang dilayari oleh pengguna awam Malaysia.

Adapun pemaparan status hadis di aplikasi digital hadis dalam Bahasa Melayu, Indonesia dan Inggeris, bagi laman sesawang *sunnah.com*, pemaparan status hadis padanya dilihat ringkas dan mudah. Namun, tiada nama ulama yang menilai hadis dinyatakan. Hanya terdapat status hadis. Perkara ini dilihat kurang sesuai kerana akan menyebabkan timbul keraguan pada status hadis yang dinyatakan kerana pihak di sebalik penilaian hadis tersebut tidak diketahui kredibilitinya. Bagi mengelakkannya, sepatutnya nama penilai hadis tersebut dinyatakan.

Bagi laman sesawang *semakhadis.com* pula, penjelasan tentang status laman dilihat agak panjang. Hal ini bermungkinan kerana pengendalinya ingin memberikan gambaran jelas tentang status kesahihan sesuatu hadis. Selain status hadis, laman sesawang ini turut membincangkan tentang keadaan perawi, sanad, matan serta menukilkan komentar ulama muktabar dan kontempori tentangnya. Pendekatan ini adalah pendekatan yang biasanya dalam penulisan Arab dalam membincangkan status hadis. Namun, jika penggunaanya hanyalah orang awam, mereka lebih menyukakan jenis paparan yang ringkas.

Pemaparan status hadis di aplikasi *HaditsSoft* pula dilihat ringkas dan mudah. Nama penilai hadis turut dipaparkan di aplikasi tersebut. Namun, nama penilai hadis yang dipaparkan kurang dikenali di kalangan kebanyakan umat Islam. Pengendali aplikasi tersebut juga tidak menyatakan latar belakang para penilai tersebut. Hal ini akan menyebabkan kelayakan mereka akan dipertikaikan.

KESIMPULAN

Perkembangan teknologi maklumat menjadi ramai orang di zaman ini yang banyak menggunakan aplikasi digital untuk menyebarkan dan mendapatkan maklumat. Antara maklumat yang banyak disebarkan dan didapatkan adalah hadis Nabi SAW. Kesedaran tentang kepentingan hadis sahih dan menolak hadis palsu dan dhaif jenis berat untuk disebarkan dan diamalkan menyebabkan ramai umat Islam di zaman ini mengambil berat tentang status kesahihan hadis. Lantaran itu terdapat ramai pengendali aplikasi digital berkaitan hadis sama ada di platform laman sesawang atau aplikasi telefon mudah alih yang membantu dalam memaparkan status hadis agar mudah dikenalpasti. Gaya dan pendekatan mereka dalam pemaparan tersebut berbeza mengikut kecenderungan masing-masing. Namun terdapat pelbagai isu dan masalah di sebalik penyediaan paparan status hadis yang memerlukan kepada perancangan yang sistematik. Antara isu dan masalah tersebut, 1. Terdapat terlalu banyak komentar ulama tentang status hadis, 2. Terdapat komentar status yang

dilakukan oleh ulama dan pengkaji yang tidak populer, 3. Terdapat komentar yang tidak jelas dan tidak langsung dan 4. Keperluan penambahan status hadis dhaif jenis berat dalam jenis-jenis status hadis. Kertas kerja ini membincangkan gaya pemaparan status hadis yang digunapakai oleh beberapa aplikasi hadis. selain itu, ia turut mencadangkan beberapa saranan agar pemaparan status hadis di aplikasi digital hadis tidak mengelirukan pengguna malah dapat memudahkan mereka.

RUJUKAN

- Abd al-Ghani bin Ahmad Jabar Mazhar, Dr. (1993). Usul Tashih wa Tad`if, Majallah al-Buhuth al-Islamiyyah, Bil. 41, 1414H-1415H, Arab Saudi: al-Ri`asah al-`Ammah li al-Buhuth al-`Ilmiyyah wa al-Ifta`.
- Abdul-Hayyi bin Abdul-Halim, Al-Lakhnawi. t.t. Al-Athar al-Marfu'ah Fil Ahadith al-Maudhu'ah. Baghhdad: Dar al-Syarq al-Jadid.
- Abu Syahbah. 1403H. al-Wasit fi `Ulum wa Mustalah al-Hadith. Dar al-Fikr al-`Arabiyy.
- Batubara, H. H. (2017). Pemanfaatan Ensiklopedi Hadis Kitab 9 Imam sebagai Media dan Sumber Belajar Hadis. Muallimuna: Jurnal Madrasah Ibtidaiyah, 2(2), 63-74.
- Hassan, S. N. S., Zakaria, N., Long, M. Y., Goje, K., & Said, W. M. (2016, October). Pembangunan Aplikasi Teknologi Dalam Memantapkan Pengajaran dan Pembelajaran Hadis Pada Zaman Globalisasi. In Seminar Warisan Nabawi (SWAN) 2016 (pp. 4-5).
- Ibn Hajar, Ahmad bin cAli al-cAsqalani. (1997). Nuzhah al-Nazar fi Taudih Nukhbah al-Fikar. Amman: Maktabah al-Risalah al-Hadithah.
- Ibn Salah, `Utman bin `Abd al-Rahman. (2001). al-Muqaddimah. Beirut: al-Maktabah al-`Ashriyyah,
- Kawaid, A. I. S. D., Haque. M. (2019). Dirasat fi al-Hadith al-Dha`if wa al-Mawdhu`. Malaysia: Penerbit USIM.
- Mohd Kahirul Niamat Doll Kawaid, A. Irwan Santeri Doll Kawaid, Shumsudin Yabi, Mohd Zohdi Mohd Amin, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mohd Yusuf Ismail. Persepsi Pensyarah Tentang Pengintegrasian Aplikasi ICT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kursus Berkaitan Hadis di UA Malaysia. 3rd INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2018)
- Nasreldin, Ibrahim, Ibrahim Ahmed, and Mohamad Fauzan Noordin. 2014. Big Data Storage, Collection, & Protection with Islamic Perspective. 3 (12): 2588-89.
- Ahmad, K. (2019). Digitalisasi Hadith Di Malaysia Analisis Terhadap Keperluan Kriteria Pembangunan Website dan Software Hadis. In Conference Proceeding International Conference on Islam in Malay World (ICONIMAD).
- Usman, A. H., & Nasir, M. N. (2022). Penyebaran Hadis Palsu dalam Penerbitan di Malaysia dan Kesannya Kepada Masyarakat. HADIS, 12(23), 34-50.
- Yusufa, Uun. 2013. Kemutawatiran Al-Quran: Metode Periwiyatan dalam Sejarah Al-Qurân. Hermeneutik: Jurnal Ilmu al-Qur'an dan Tafsir. Vol 7, No 2. 213-228.